

18/04/2000

Aduan mengenai pencalonan perlu dirujuk kepada panel

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, semua aduan berhubung pencalonan oleh bahagian-bahagian perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno.

Presiden Umno itu berkata, sebarang aduan akan tetap dikaji oleh Majlis Tertinggi (MT) jika ada bukti kukuh selepas disalurkan terlebih dulu kepada jawatankuasa berkenaan.

"Biasanya, aduan itu pergi kepada jawatankuasa pengurusan, kemudian baru ditimbang oleh MT," katanya ketika mengulas aduan sesetengah pihak konon ada manipulasi dari segi pencalonan untuk bertanding jawatan dalam pergerakan Wanita.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama lebih tiga jam Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini petang ini, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, MT masih belum menerima aduan seumpama itu.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pihaknya boleh membuat pemeriksaan lanjut jika benar ada percanggahan jumlah pencalonan yang diterima oleh seseorang calon.

"Kalau tak ada (pencalonan sebenar yang diterima), kita boleh periksa," katanya yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas-tugas timbalan presiden.

Kekeliruan timbul Jumaat lalu apabila ibu pejabat Wanita Umno mengeluarkan senarai pencalonan yang menyaksikan penyandang Naib Ketuanya, Datuk Napsiah Omar cuma memperoleh 24 pencalonan dan gagal melepasi syarat kelayakan minimum iaitu 25 pencalonan.

Sebelum ini, Napsiah mendakwa Wanita bahagian Kulim-Bandar Baru mencalonkannya, tetapi senarai pencalonan menunjukkan bahagian itu menamakan Datuk Sharizat Abdul Jalil untuk bertanding naib ketua.

Bahagian itu semalam mengesahkan ia mencalon Shahrizat, bukannya Napsiah bagi jawatan naib ketua.

Sementara itu, Mesyuarat MT itu juga membincangkan bagaimana Umno boleh membantu menentukan ketepatan daftar pengundi.

Dr Mahathir berkata, Umno sudah menentukan kaedah untuk memastikan semua pengundi berdaftar dapat mengundi walaupun nama mereka dipindahkan ke kawasan pemilih lain.

Beliau berkata, perkara itu dipertanggungjawabkan kepada sebuah badan khusus yang ditubuhkan di ibu pejabat Umno, dengan pegawai dan petugas yang akan menumpukan sepenuh masa kepada pendaftaran pengundi dan anggota-anggota Umno.

Perdana Menteri yang baru pulang dari Sidang Kemuncak Kumpulan 77 negara selatan di Cuba, berkata MT berpuas hati dengan penyertaan Malaysia dalam mesyuarat di Havana itu.